

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bila Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCCM) akan dibentuk.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Dewan, IPCCM yang akan ditubuhkan akan memberi perhatian khusus kepada isu salah laku dan integriti anggota dan pegawai PDRM. Bagi menangani masalah rasuah dan salah guna kuasa, IPCCM akan bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Kerajaan berharap isu-isu salah laku dalam kalangan anggota PDRM dapat diberi perhatian serius sekaligus meningkatkan lagi tahap integriti anggota PDRM dalam menjadikannya sebuah badan bebas yang cekap dan efisien.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, Kerajaan dalam peringkat akhir menyediakan draf Rang Undang-undang (RUU) Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCCM) dan draf RUU IPCCM dicadangkan untuk dibentangkan di Parlimen pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.